

08/04/1999

Azhar doakan PM

Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Rabu - Walaupun berada jauh di tengah Lautan Selatan, pelayar negara, Azhar Mansor tidak lupa untuk turut mendoakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN), cepat sembuh.

Menurut Azhar, berita mengenai kesihatan Perdana Menteri itu diketahuinya hari ini.

Dr Mahathir dimasukkan ke IJN, Jumaat lalu kerana bronkitis selepas dinasihatkan oleh doktor yang merawatnya di institut itu supaya berehat dan menjalani rawatan sepenuhnya.

Menerusi e-mel yang dihantar Azhar ke Cabaran Jalur Gemilang yang berpangkalan di Awana Porto Malai, di sini, petang ini, Azhar melaporkan cold front yang dinantinya sejak beberapa hari lalu akhirnya berlaku hari ini.

Menurutnya, fenomena sistem tekanan rendah yang membawa angin kencang bertiup dari arah melawan jam serta hujan itu membolehkan Jalur Gemilang meluncur lebih pantas.

"Hari ini hujan lebat sepanjang hari dengan angin bertiup selaju 45 knot dan pada masa yang sama gelombang besar menyebabkan kapal terumbang-ambing sekali lagi," katanya.

Berikutan tiupan angin kencang itu, kata Azhar, beliau terpaksa kembali kepada asas iaitu dengan merasa dan mendengar kerana alat penunjuk arah angin yang dipasang di atas tiang layar sudah hilang dalam ribut sebelum ini.

Sementara itu, Azhar melaporkan posisi kapalnya kini berada pada Latitud 52 darjah 10'80" ke Selatan, Longitud 109 darjah 02'21" ke Barat dengan kelajuan purata 6.4 knot.

Pelayar berusia 41 tahun itu juga melaporkan angin bertiup dari Barat Laut dengan kelajuan di antara 30 dan 35 knot manakala laut bergelombang besar.

Suhu kabin berada pada 12 darjah Celsius manakala matahari terbenam pada jam 8.45 pagi waktu tempatan.

Difahamkan, berdasarkan kelajuan angin itu, laut dilaporkan bergelombang setinggi kira-kira empat meter dengan permukaan laut memutih.

Masuk hari ke-64 di Lautan Selatan hari ini, Azhar sudah belayar sejauh 9,872 batu nautika.

(END)